

NOTA PANDUAN

SLAID PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2021

Tujuan slaid Program Transisi Tahun Satu 2021 ini disediakan untuk membantu memahami:

1. Rasional program transisi dan kepentingannya
2. Objektif Program Transisi Tahun Satu 2021
3. Pelaksanaan tiga fasa dalam Program Transisi Tahun Satu 2021

Nota panduan ini perlu dibaca bersama-sama slaid PPT Program Transisi Tahun Satu 2021.

Slaid 1: Muka Depan PPT



Slaid 2: Latar Belakang

LATAR BELAKANG

- Pelaksanaan Program Transisi :
2001 – 2006 : 3 bulan
2007 – 2020 : 3 minggu
- Dapatan Tinjauan Penguasaan Literasi dan Numerasi Awal Murid Prasekolah (BPK, 2020) menunjukkan wujudnya jurang penguasaan Literasi Awal BM dan BI

• Pandemi COVID-19 memberi implikasi bilangan hari persekolahan berkurang dan kehadiran murid ke sekolah merosot

• Keperluan mengadakan program yang mengambil kira jurang penguasaan, aspek perkembangan kanak-kanak dan norma baharu

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Program Transisi dan Guru Penyayang Tahun Satu bermula tahun 2001 (Surat

Siaran KP(BS/PSR)8502/08/Jld.XIV(18) bertarikh 23 Mei 2001). Program ini dilaksanakan pada tiga bulan pertama persekolahan dan ianya penting untuk perkembangan sosioemosi murid tahun satu di semua sekolah rendah.

2. Pada tahun 2006, Program Transisi dan Guru Penyayang Tahun Satu dipendekkan daripada tiga bulan kepada tiga minggu mulai minggu pertama bulan Januari sesi persekolahan 2007 (KP(PPK)1200-1/1(38) bertarikh 4 Disember 2006).
3. Pada tahun 2020, bilangan hari persekolahan telah berkurang akibat daripada pandemik COVID-19 dan ini telah memberi implikasi terhadap pembelajaran murid prasekolah. Garis Masa yang ditunjukkan dalam slaid menunjukkan senario yang berlaku pada tahun 2020 di sekolah. Sekolah ditutup mulai 9 Nov 2020 hingga 17 Dis 2020 menyebabkan kurikulum tidak dapat disampaikan secara bersemuka kepada murid untuk tempoh 28 hari. Maka program transisi ini juga mengambil kira kandungan kurikulum prasekolah yang terkesan.
4. Selain itu, rasional perancangan program transisi ini adalah berdasarkan dapatan Tinjauan Penguasaan Literasi dan Numerasi Awal Murid Prasekolah yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum pada tahun 2020. Dapatan tinjauan ini menunjukkan wujudnya jurang penguasaan Literasi Awal Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid prasekolah.
5. Sehubungan itu, Program Transisi Tahun Satu 2021 telah dirangka dengan mengambil kira kesemua faktor penting.

Slaid 3: Tujuan, Fitur dan Objektif Program Transisi



1. Program Transisi Tahun 1 2021 merupakan program yang bertujuan menyediakan murid menghadapi perubahan, menyesuaikan diri dan membina keyakinan diri mereka di sekolah rendah.
2. Program ini dirangka berasaskan kurikulum prasekolah dan Tahun Satu dengan memberi penekanan kepada sosioemosi serta literasi dan numerasi awal.
3. Objektif keseluruhan program adalah seperti berikut:
 - i. Menyesuaikan murid dengan keadaan dan persekitaran sekolah.
 - ii. Membina hubungan antara murid dengan rakan sebaya dan guru.
 - iii. Meningkatkan keyakinan dan membentuk sikap positif dalam interaksi sosial serta pembelajaran murid.
 - iv. Menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.

Slaid 4: Tiga Fasa Pelaksanaan



1. Program Transisi 2021 dilaksanakan dalam 3 fasa, iaitu persediaan, penyesuaian dan kesiapan.
2. Selepas program transisi, murid dijangka lebih bersedia dari aspek sosioemosi, sikap belajar dan nilai serta literasi dan numerasi awal.
3. Pemantauan dan penilaian perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan program.

Slaid 5: Fasa Persediaan



1. Fasa persediaan bermula pada 11 Januari hingga 19 Januari 2021.
2. Fasa ini penting bagi memastikan sekolah, ibu bapa dan murid bersedia sebelum sesi persekolahan bermula.

Slaid 6: Garis Panduan Persediaan



1. Persediaan di sekolah:
 - i. Pentadbir
 - a. Pengetahuan dan pemahaman program.
 - b. Perbincangan dan penyelarasan program seperti mengadakan perbincangan dengan guru yang terlibat, mengenal pasti guru yang terlibat, merancang jadual waktu dan memaklumkan kepada warga sekolah.
 - c. Pemakluman dan kerjasama dengan ibu bapa/penjaga berkaitan pelaksanaan program, kesediaan anak, keperluan kelengkapan persekolahan dan sebagainya.
 - d. Kerjasama dengan PIBG/Lembaga Pengelola sekolah.

- e. Pemantauan dan penilaian ke atas program.
 - ii. Guru
 - a. Pemahaman dan perancangan pelaksanaan program seperti objektif, kepentingan dan pelaksanaan program.
 - b. Pengetahuan perkembangan kanak-kanak.
 - c. Kemahiran mengurus dan berinteraksi dengan murid khususnya murid yang berumur 6-7 tahun.
 - iii. Persekitaran Fizikal
 - a. Lokasi dan kelas yang sesuai dan selamat.
 - b. Kelas bersih dan ceria.
 - c. Susun atur kelas sesuai.
 - d. Peralatan dan perabot sedia ada yang sesuai.
2. Persediaan di rumah
- i. Ibu Bapa
 - a. Persediaan anak dari aspek mental, sosioemosi dan fizikal.
 - b. Persediaan kelengkapan pembelajaran seperti alat tulis, buku dan pakaian.
 - c. Bersedia menyokong pembelajaran anak.
 - d. Pelibatan dalam aktiviti dan perkembangan sekolah.
 - ii. Murid
 - a. Berupaya mengurus diri seperti memakai baju dan kasut, mengemas beg sekolah, menggunakan tandas dan boleh buat permintaan (kebenaran ke tandas, minum air dan sebagainya).
 - b. Menunjukkan minat hadir ke sekolah
 - c. Berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran, guru dan rakan baharu.
 - d. Menunjukkan sikap positif terhadap pembelajaran seperti fokus semasa melaksanakan aktiviti, bertanggungjawab, berusaha untuk menyiapkan tugas yang diberi dan sebagainya.
 - e. Mempunyai kemahiran asas prabaca, pratulis dan pranombor.

Slaid 7: Fasa Penyesuaian



1. Fasa kedua iaitu Fasa Penyesuaian yang bermula pada hari pertama persekolahan iaitu pada 20 Januari hingga 29 Januari 2021 menggunakan Modul Orientasi.
2. Fasa ini bertujuan membolehkan murid menyesuaikan diri dengan keadaan dan persekitaran sekolah serta membina hubungan baik dengan rakan dan guru.
3. Pengisian pada setiap hari merangkumi rutin kelas, perbualan awal, aktiviti fizikal, aktiviti suai kenal, aktiviti pembelajaran dan rehat.

Slaid 8: Modul Orientasi



1. Modul Orientasi digunakan dalam Fasa Penyesuaian.
2. Objektif Modul Orientasi adalah seperti berikut:
 - i. Menyesuaikan murid dengan keadaan dan persekitaran sekolah.
 - ii. Membina hubungan baik murid dengan rakan sebaya dan guru.
 - iii. Membina keyakinan diri murid untuk berkomunikasi.
 - iv. Menggalakkan pelibatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran.

Slaid 9: Cadangan Peruntukan Waktu dan Pelaksanaan



1. Berikut cadangan peruntukan waktu bagi pengisian sehari:

Pengisian	Peruntukan Waktu
Rutin Kelas	30 minit
Perbualan Awal	30 minit
Aktiviti Fizikal	30 minit
Aktiviti Suai Kenal	120 minit
Aktiviti Pembelajaran	60 minit
Rehat	20 minit

2. Pelaksanaan Modul Orientasi:

- i. Peruntukan ditetapkan.
- ii. Susunan pengisian sehari ditentukan oleh pihak sekolah.
- iii. Aktiviti 'Jom Baca' perlu dilaksanakan setiap hari semasa Perbualan Awal.
- iv. Pelaksanaan rutin kelas, perbualan awal dan rehat diuruskan oleh guru kelas masing-masing.
- v. Aktiviti Pembelajaran merangkumi literasi awal dan numerasi awal.

Slaid 10: Pengisian Sehari



Perincian berkaitan pengisian sehari adalah seperti berikut:

1. Rutin Kelas

- i. Rutin kelas bertujuan untuk membantu guru mengurus kelas dengan sistematik dan melaksanakan PdP dalam suasana kelas yang kondusif dan selamat. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan semasa rutin kelas adalah seperti berikut:
- ii. Ucap selamat
- iii. Baca doa
- iv. Tertib tempat duduk
- v. Ambil kedatangan murid
- vi. Membersihkan kelas

2. Perbualan Awal

- i. Perbualan awal bertujuan untuk menyediakan murid dari aspek mental dan emosi supaya mereka dapat mengikuti pembelajaran pada hari tersebut dengan lebih berfokus. Antara aktiviti perbualan awal adalah seperti berikut:
- ii. berkongsi idea dan maklumat
- iii. bercerita
- iv. menyanyi dan membuat pergerakan kreatif
- v. simulasi
- vi. persembahan boneka
- vii. "Jom Baca"

3. Aktiviti Fizikal

Aktiviti fizikal bertujuan untuk meningkatkan kecergasan fizikal dan kesihatan diri. Antara aktiviti fizikal yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. bersenam
- ii. bermain
- iii. berjalan
- iv. rekreasi aktif

4. Aktiviti Suai Kenal

Aktiviti suai kenal bertujuan untuk membolehkan murid menyesuaikan diri dengan rakan dan guru serta persekitaran baharu. Antara aktiviti suai kenal yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. memperkenalkan diri
- ii. mengenali guru dan rakan
- iii. mengenali kelas dan sekolah
- iv. melawat sekitar kawasan sekolah
- v. membincangkan peranan dan tanggungjawab sebagai murid

5. Aktiviti Pembelajaran


Aktiviti pembelajaran dilaksanakan untuk memastikan murid menguasai asas literasi dan numerasi sebelum mereka mengikuti pembelajaran seterusnya. Fokus pembelajaran pada sesi ini ialah prabaca, pratulis dan pranombor. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. menyanyi lagu
- ii. bercerita
- iii. permainan padanan (matching game)
- iv. mencantum puzzle
- v. bermain doh
- vi. menyurih

6. Rehat

Rehat diperuntukkan untuk murid makan dan minum serta rehatkan minda serta fizikal. Guru perlu bersama-sama dengan murid ketika waktu rehat untuk membimbing murid.

Slaid 11: Cadangan Pelaksanaan Sehari




Cadangan pelaksanaan sehari menggunakan Modul Orientasi

Slaid 12: Fasa Kesediaan




1. Fasa 3, Fasa Kesediaan dilaksanakan mulai 1 Februari hingga 25 Mac 2021.
2. Tujuan fasa ini ialah menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.

Slaid 13: Modul PdP




1. Modul PdP digunakan dalam pelaksanaan Fasa Kesiapan. Modul PdP dihasilkan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam suasana yang bermakna dan menyeronokkan.
2. Kerangka Konsep Modul PdP: Modul PdP ini dibangun berasaskan lima aspek pembelajaran iaitu kognitif; nilai; kreativiti dan estetika; kesejahteraan fizikal dan kesihatan; dan sosioemosi berasaskan pendekatan modular, bersepadu dan bertema. Pelaksanaan modul ini bukan sahaja memerlukan kerjasama semua guru yang terlibat tetapi juga pentadbir sekolah dan ibu bapa/penjaga serta disokong oleh persekitaran sekolah yang memberangsangkan.
3. Objektif Modul PdP adalah seperti berikut:
 - i. Meningkatkan keyakinan murid dalam interaksi sosial dan pembelajaran.
 - ii. Menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.
 - iii. Membentuk sikap positif dalam pembelajaran.

Slaid 14 : Tema dan Subtema, Pelaksanaan




1. Terdapat 4 tema dalam Modul PdP, iaitu Saya Sihat Saya Selamat, Mari Fikirkan, Detektif Alam dan Hidup Bersama.
2. Pelaksanaan Modul PdP:
 - i. Pengisian fasa ini merangkumi aktiviti PdP secara bertema dan aktiviti fizikal. Aktiviti fizikal dilaksanakan dua kali seminggu oleh guru Pendidikan Jasmani.
 - ii. Semua tema dan subtema perlu dilaksanakan.
 - iii. Cadangan aktiviti boleh diubah suai mengikut tahap murid dan konteks sekolah.

Slaid 15: Fitur Modul PdP




1. Modul ini tema, subtema, tajuk aktiviti dan cadangan aktiviti.
2. Setiap subtema mengandungi objektif dan cadangan aktiviti.
3. Bagi membantu guru melaksanakan aktiviti, nota guru dan bahan sokongan dalam bentuk Kod QR dan pautan disediakan.

Slaid 16: Contoh Pelaksanaan



1. Berdasarkan slaid, tema yang ditunjuk ialah **Detektif Alam** dan subtemanya adalah **Misteri Alam Rimba**. Tajuk aktiviti yang dipilih untuk dijelaskan ialah **Mari ke Zoo**.
2. Dalam tajuk **Mari ke Zoo**, terdapat 3 aktiviti yang dicadangkan iatu:
 - i. Bercerita tentang zoo
 - ii. Cari maklumat berkaitan zoo
 - iii. Buat lakaran dan hasilkan zoo mini
3. Tiga aktiviti tersebut boleh dirancang dengan lebih lanjut seperti **Slaid 16**.

Slaid 16: Contoh pelaksanaan... Sambungan



1. Bagi melaksanakan aktiviti **Bercerita tentang Zoo**, guru yang terlibat perlu berbincang dan merancang bagaimana untuk melaksanakannya. Antara langkah pengajaran yang boleh dilaksanakan untuk aktiviti ini ialah:
 - i. Bercerita menggunakan buku cerita
 - ii. Bersoal jawab
 - iii. Baca bersama

- iv. Lakonkan berdasarkan buku cerita yang dibaca
 - v. Menyanyikan lagu berkaitan haiwan
 - vi. Hasilkan buku cerita berkaitan zoo
2. Langkah-langkah tersebut boleh diagih dan dilaksanakan oleh guru mata pelajaran yang masuk ke kelas berdasarkan jadual waktu yang telah ditetapkan. Misalnya seperti yang ditunjukkan dalam jadual waktu dalam slaid, waktu ke-2 dan ke-3 adalah waktu **Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral**. Dalam masa 1 jam, guru Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral boleh melaksanakan 3 langkah yang pertama iaitu bercerita menggunakan buku cerita, bersoal jawab dan baca bersama. Semasa melaksanakan aktiviti ini, guru boleh mengaitkan dengan mata pelajaran yang diajar mengikut kesesuaian. Misalnya guru **Pendidikan Islam** mengaitkan haiwan sebagai makhluk ciptaan Allah, manakala guru **Pendidikan Moral** pula boleh menerapkan nilai kasih sayang.
 3. Pada waktu mata pelajaran Bahasa Inggeris pula, guru boleh melaksanakan langkah seterusnya iaitu langkah ke-6, **hasilkan buku cerita berkaitan zoo**. Pada waktu tersebut guru boleh meminta murid menghasilkan buku cerita dalam Bahasa Inggeris.
 4. Begitulah juga dengan mata pelajaran yang lain, guru boleh menyesuaikan aktiviti dengan mata pelajaran yang diajar.
 5. Perbincangan dan kerjasama semua guru mata pelajaran yang terlibat amat diperlukan untuk memastikan **kelancaran** dan **keberkesanan** pelaksanaan Modul PdP.

Kesimpulan

Selain daripada merancang dan melaksanakan Modul Orentasi dan Modul PdP, guru juga perlu melaksanakan pentaksiran dari semasa ke semasa. Pentaksiran dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui **tahap perkembangan** dan **tahap pencapaian** murid, tetapi **bukan untuk membuat perbandingan** antara murid. Pentaksiran amat penting untuk membantu guru merancang tindakan susulan yang sesuai.